


Bahagian A

Jawab semua soalan.


- Negeri manakah yang menggunakan gelaran pemerintah sebagai sultan?
 A Perlis dan Kedah
 B Kedah dan Perlis
 C Kedah dan Kelantan
 D Pahang dan Terengganu
- Apakah tugas sultan atau raja yang merupakan hierarki tertinggi dalam pemerintahan beraja?
 A Ketua agama Islam
 B Menjaga hubungan dengan negara luar
 C Memastikan pelabuhan berkembang pesat
 D Memberikan hukuman terhadap pesalah
- Gambar berikut merupakan majlis pemasyhuran pengganti sultan.


Apakah merupakan ciri majlis pemasyhuran?
 A Majlis diadakan di Masjid Negara
 B Majlis diadakan sebulan selepas kemangkatan sultan
 C Majlis diadakan sebelum jenazah sultan dimakamkan
 D Jenazah dimakamkan sehari selepas pemasyhuran
- Antara berikut yang manakah berkaitan dengan upacara adat istiadat pertabalan Sultan atau raja?
 I Dimulakan dengan makan malam besar
 II Raja membaca watakah pertabalan dan mengucap keris kuasa
 III Menteri Besar mengetuai seruan 'Daulat Tuanku'
 IV Upacara diakhiri dengan ucapan Perdana Menteri
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV
- Penganugerahan Bintang dan Darjah Kebesaran disempurnakan bersempena sambutan keputeraan pemerintah. Siapakah yang menerima pengiktirafan ini?
 A Rakyat yang berjasa
 B Golongan istana
 C Pembesar
 D Putera raja yang diputerakan
- Pada umur berapakah rakyat mempunyai hak dalam pentadbiran dan layak menjadi Ahli Dewan?
 A 17 tahun
 B 21 tahun
 C 25 tahun
 D 30 tahun
- Kerajaan negeri manakah yang memantapkan undang-undang Islam dengan melarang perbuatan laga lembu dan persembahan menora?
 A Johor
 B Kedah
 C Kelantan
 D Terengganu

8. Mengapakah karya-karya persuratan sangat bernilai dan masih kekal hingga kini?

- A Rujukan utama kerajaan
- B Menarik ramai pelancong
- C Untuk diletakkan di Muzium Negara
- D Menunjukkan kehebatan sesebuah kerajaan

9. Karya berikut merupakan karya sejarah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*.



Apakah yang dicatatkan di dalam karya ciptaan Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad?

- A Kewujudan institusi pendidikan
- B Pengislaman pemerintah Kedah
- C Kisah penyebaran Islam di Kedah
- D Kepentingan kerjasama antara rakyat

10. Karya sejarah yang manakah memaparkan perkembangan ekonomi dan pentadbiran kerajaan Kedah menerusi pembahagian daerah?


- A Hikayat Seri Kedah
- B Hikayat Merong Mahawangsa
- C *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*
- D *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*

11. *Syair Sultan Maulana* dihasilkan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II.

Apakah yang diceritakan dalam syair tersebut?

- A Alat kebesaran raja
- B Pembukaan Ibu kota
- C Perang lentera Kedah
- D Pengislaman pemerintah


12. Gambar berikut adalah salah satu warisan kesenian.



Apakah warisan yang boleh dikaitkan dengan gambar di atas?

- A Warisan seni bina
- B Warisan kraf tangan
- C Warisan barang perhiasan
- D Warisan persembahan agama Islam oleh masyarakat

13. Gambar berikut merupakan tebar layar rumah tradisional Kelantan.



Apakah nama ukiran tebar layar rumah tradisional Kelantan di atas?

- A Ukiran 'V'
- B Ukiran Alam
- C Ukiran Tebuk
- D Ukiran Matahari

14. Warisan seni ukir merupakan identiti unik setiap kerajaan sehingga hari ini. Negeri manakah yang banyak mewarisi warisan seni ukir ini?
- Kedah dan Perlis
 - Johor dan Pahang
 - Kelantan dan Kedah
 - Terengganu dan Pahang
15. Apakah yang dimaksudkan dengan Ibu Soko?
- Ibu adalah ketua keluarga
 - Ibu yang memberikan arahan
 - Ibu adalah ketua masyarakat
 - Ibu yang melahirkan anggota masyarakat
16. Apakah yang diutamakan dalam pelaksanaan hukuman dalam Adat Papatih?
- Perasaan
 - Pertimbangan
 - Jenis kesalahan
 - Pihak yang terlibat
17. Mengapakah perkahwinan sesama suku tidak digalakkan dalam Adat Perpatih?
- Dianggap bersaudara
 - Penyakit mudah diwarisi
 - Kecerdikan akan berkurangan
 - Terlalu rapat dan mudah berlaku pergaduhan
18. Apakah yang perlu dilakukan oleh kaum wanita dan lelaki untuk mengembalikan semula hak setelah berkahwin sesama suku dan hilang hak mewarisi serta hilang hak menyandang?
- Menjalankan adat memulih pusaka
 - Berkahwin semula dengan suku luar
 - Menjalankan adat perkahwinan semula
 - Bercerai dengan sesama suku yang sedia ada
19. Yang berikut merupakan pemimpin dalam Adat Papatih di Negeri Sembilan **kecuali**
- Ibu Soko
 - Pemimpin
 - Raja
 - Undang
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
20. Apakah peranan Lembaga yang merupakan Ketua Suku dan dilantik oleh Buapak?
- Melantik Buapak
 - Menjadi rujukan berkaitan adat
 - Berperanan sebagai Ketua Menteri
 - Menjaga keamanan dan keselamatan